



Anwar mengadakan pertemuan dua hala bersama Perdana Menteri Kanada, Justin Trudeau sempena Sidang Kemuncak ASEAN ke-43 dan sidang kemuncak berkaitan di Jakarta, semalam. (Foto BERNAMA)

Malaysia tangani TKI dengan baik

Anwar tegaskan puluhan ribu tenaga kerja tanpa dokumen dihantar pulang tanpa pendakwaan

Jakarta: Puluhan ribu tenaga kerja Indonesia (TKI) di Malaysia yang tidak mempunyai dokumen sudah dihantar pulang, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menurut Perdana Menteri, meskipun soal dokumen adalah hal yang serius, kerajaan Malaysia tetap menangannya dengan baik tanpa pendakwaan di mahkamah.

"Kalau yang sudah ditangkap dikirim (dihantar) pulang dan kita percepatkan proses itu," katanya selepas ditanya media mengenai proses kemajuan dalam menguruskan masalah TKI di Malaysia susulan kunjungan Presiden Joko Widodo pada Jun lalu.

Anwar berada di sini bagi mengetuai delegasi Malaysia ke Sidang Kemuncak ASEAN Ke-43 dan sidang kemuncak berkaitan dari 5 hingga 7 September.

Beliau yang hadir Program Temu Anwar, di sini, malam kelmarin, turut menyentuh isu Laut China Selatan yang dibincangkan dalam Sidang Kemuncak ASEAN, memaklumkan Malaysia ada pendirian dan ASEAN ada pendirian sama untuk pertahan hak serta berunding dengan baik dengan China.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, Malaysia menyambut baik keputusan pemimpin ASEAN untuk Filipina menjadi Pengerusi ASEAN pada 2026.

"Tahun depan Laos, diikuti Malaysia, kemudian sepatutnya Myanmar, tetapi konsensus kerana belum selesai masalah Myanmar, soal penindasan dan konflik berterusan, maka diserahkan kepada Filipina. Presiden (Ferdinand) Marcos Jr setuju, ini perkembangan yang sangat positif," katanya.

Sementara itu, Anwar turut menerima kunjungan hormat Pengurus Besar Nahdatul Ulama (NU), Kiyai Haji Yahya Cholil Tsafiq dan barisan pimpinan pertubuhan Islam itu, kelmarin.

Menerusi perkongsian di Facebook semalam, Perdana Menteri memaklumkan, pada pertemuan selepas selesai program Temu Anwar itu, mereka menyentuh kepentingan menguasai dan memelihara ilmu turath serta keupayaan membaca situasi semasa.

Katanya, beliau juga berbicara mengenai pengalaman panjangnya bersama Allahyarham Abdurrahman Wahid atau Gus Dur, bekas Presiden Indonesia serta pemimpin NU yang dianggapnya sahabat setia dari waktu beliau menghadapi kesukaran dalam perjuangan politik.

"Saya juga zahirkan penghargaan kepada kepimpinan NU yang sudi hadir bertemu dan bertukar pandangan," kata Anwar sambil berharap perbincangan seperti itu dapat dilakukan lagi demi manfaat umat.

Dalam perkembangan berkaitan, Anwar ketika berucap pada Sidang Kemuncak ASEAN Ke-26 di sini semalam, menekankan keperluan penting untuk mengekalkan keamanan serta kestabilan di rantau ASEAN sambil mengukuhkan kerangka hubungan pelbagai hala antara ASEAN dan China.

Katanya, kerjasama pada masa akan datang akan banyak ber-

gantung kepada kepercayaan dan perbincangan pelbagai hala mengenai keselamatan dalam mempertahankan kepentingan kedua-dua pihak.

"Saya ingin menyatakan bahawa kami begitu menghargai kehadiran anda dan semoga majlis ini akan mengukuhkan lagi hubungan di antara China dan ASEAN," katanya pada persidangan di Pusat Konvensyen Jakarta itu yang dihadiri pemimpin ASEAN dan Perdana Menteri China, Li Qiang.

Anwar juga berkata, beliau berpuas hati dengan komitmen China untuk menguatkuasakan suatu masa hadapan bersama.

"Dalam ASEAN, kami menganggap China sebagai jiran yang penting, seorang rakan utama dalam perdagangan, pelaburan dan susun atur keselamatan," katanya sambil turut meluahkan keyakinan dalam kemajuan Perjanjian Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN-China (FTA) 3.0.

FTA 3.0 adalah inisiatif bagi mengukuhkan dengan lebih setara integrasi ekonomi serantau.

"Kami menantikan pengukuhan hubungan ini dan ia seharusnya bermula dengan ASEAN-China FTA 3.0. Saya tidak nampak banyak masalah kecuali untuk mempercepatkan proses itu," katanya.

Anwar juga menekankan kepentingan menjalin hubungan lebih kukuh dalam bidang pertanian, terutama dalam mengatasi kebimbangan mengenai isu keterjaminan makanan dan meningkatkan sumber manusia menerusi inovasi, teknologi dan pendidikan teknikal.

"Malaysia menyambut baik kemunculan ASEAN-China Year of People-to-People Exchange' pada 2024 untuk mengekalkan persahabatan berpanjangan dalam generasi akan datang," katanya.

BERNAMA